

Pada 19 Julai 2012 (Khamis) yang lalu, telah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dengan kerjasama Persatuan Perikatan Air Malaysia (MyWP) telah menganjurkan Bengkel “Water Financing” bertempat di Hotel UiTM, Shah Alam. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Datuk Ir. Ahmad Husaini Bin Sulaiman, Pengerusi Persatuan Perikatan Air Malaysia (MyWP). Objektif bengkel ini diadakan adalah sebagai platform bagi pihak-pihak berkepentingan di dalam Malaysia untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman berkenaan pengurusan kewangan sumber air.

